

SIARAN MEDIA

ISTANA BUDAYA KEMBALI MENGALUN INDAH MUZIK KLASIKAL MENERUSI PROGRAM LAMBANG SARI SERIES BUAT TAHUN 2025

KUALA LUMPUR, 26 JULAI 2025 – Istana Budaya (IB) kembali mengalun indah muzik klasikal barat menerusi penganjuran *signature* program IB yang diterajui oleh Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) / National Symphony Orchestra (NSO) iaitu ***Lambang Sari Series: Ravel at 150 - A Symphony of Sound and Color (LSS Ravel)*** buat tahun 2025 berlangsung di Dewan Filharmonik PETRONAS (DFP).

Program LSS Ravel ini merupakan pertaruhan Istana Budaya yang kedua diadakan di DFP menerusi *Lambang Sari Series: Resilience & Triumph* tahun 2024 dan kembali mencabar kejayaan tahun lalu dengan pendekatan yang lebih segar dan terkini.

Tema LSS Ravel ini mengangkat hasil karya komposer tersohor barat abad ke-20 iaitu Maurice Ravel yang mana tahun 2025 merupakan ulang tahunnya yang ke-150. Persembahan berdurasi selama 1 jam 30 minit ini menyaksikan gabungan seramai 78 orang pemuzik (40 pemuzik OSK dan 38 pemuzik jemputan) bersatu di bawah pimpinan konduktor Nasran Nawawi dan Eric Lee selaku Pengarah Muzik. Persembahan ini turut dimeriahkan lagi dengan pemain solo piano jemputan iaitu Bridget Yee.

Bagi meraikan karya tokoh *master of orchestration* ini, persembahan ini terbahagi kepada dua (2) segmen iaitu segmen pertama, OSK memainkan komposisi Ravel yang ikonik seperti *Boléro*, *Le Tombeau de Couperin*, *Ma mère l'Oye (suite)* dan *Piano Concerto in G major*. Pada segmen seterusnya penonton menyaksikan penampilan Bridget Yee dalam memainkan karya Ravel dengan menggabungkan sentuhan jazz dalam persembahannya.

Anak kelahiran Sarawak yang berusia 21 tahun ini, Bridget Yee merupakan seorang pemain piano profesional serta alumni Permata Seni Muzik telah berjaya mencipta nama di persada antarabangsa. Beliau pernah merangkul juara dalam *Windsor International Piano Competition* dan *Beecham International Piano Competition* serta turut dinobatkan sebagai *Best Overall Competitor* pada tahun 2019. Pada usia 17 tahun, beliau mendapat *Fellowship Diploma* dari *Trinity College London* kelayakan paling tinggi dalam bidang persembahan.

Bridget Yee kini melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda di *Royal Academy of Music* di London melalui biasiswa penuh *Suresh & Richard Mc Millan* dan mendapat bimbingan dari Christopher Elton serta ramai lagi guru muzik yang terbaik.

Peminat muzik klasikal barat boleh dapatkan tiket persembahan serendah RM58 dan RM88. Manakala bagi harga tiket kategori Premium (RM108) dan Suite A & Suite B (RM188) berpeluang untuk mendapatkan potongan harga sebanyak 15% khususnya bagi Warga Emas, Penjawat Awam, Pelajar dan Golongan Kurang Upaya. Tiket persembahan boleh diperoleh di laman web DFP di <https://www.dfp.com.my/lambang-sari-series-ravel-at-150> .

Persembahan LSS Ravel ini berlangsung selama satu (1) hari iaitu pada 26 Julai 2025, jam 8.30 malam di DFP, Kuala Lumpur.

Untuk maklumat lebih lanjut, awam boleh melayari portal dan di setiap platform media sosial Istana Budaya atau menghubungi Unit Perhubungan Awam, Istana Budaya di talian 03-4026 5555 / e-mel ke info@istanabudaya.gov.my .

###

**Unit Perhubungan Awam
ISTANA BUDAYA**

Tel: 03-4026 5555 Fax: 03-4025 5975

Website: www.istanabudaya.gov.my E-mel: info@istanabudaya.gov.my

Facebook, Instagram: @istanabudaya & TikTok: @istanabudayaofficial